

07 MAY 2002

Mahathir-Islam/I

JANGAN SALAHKAN ISLAM BAGI KESENGSARAAN UMMAH, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Mohd Fisol Jaafar dan Muin Abdul Majid

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini berkata umat Islam sendiri yang bersalah bagi kesengsaraan yang mereka alami sekarang dan tidak harus menunding jari kepada orang lain atau menyalahkan Islam bagi nasib mereka itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Islam tidak pernah salah tetapi umat Islam sendiri yang salah dalam mentafsirkan dan mengamalkan ajaran Islam.

"Perlu ingat bahawa nasib buruk umat Islam pada masa ini adalah kerana kesalahan sendiri, iaitu akibat tidak mengamalkan ajaran Islam sebenar," katanya semasa menyampaikan ucapan pada Persidangan Ketujuh Menteri-menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam di sini.

Beliau berkata nasib umat Islam pada hari ini adalah akibat perbuatan mereka sendiri dan bukannya sesuatu yang telah ditakdirkan.

"Pada asasnya ialah kerana mereka mengabaikan ajaran sebenar Islam, melakukan apa yang ditegah oleh Al-Quran dan Hadis. Mereka sering memetik ayat Quran tetapi mentafsirkannya bagi kepentingan mereka sendiri.

"Malahan mereka sanggup memberikan penjelasan kenapa mereka, sebagai orang Islam, menafikan yang semua umat Islam adalah saudara sesama Islam mengikut ajaran Islam. Dan dengan mengisytiharkan bahawa umat Islam tertentu sebagai kafir, mereka telah membunuh orang Islam ini atas nama Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata keadaan itu telah mengakibatkan umat Islam dan negara-negara Islam menjadi lemah dan tidak berupaya melindungi diri dan negara mereka sendiri dan menyaksikan umat Islam hidup miskin dan sengsara.

"Contohnya Jenin," katanya, merujuk kepada serangan tentera Israel terhadap penempatan pelarian rakyat Palestin yang dilaporkan telah mengakibatkan berpuluh-puluh orang terbunuh dan ramai yang cedera.

Melahirkan rasa kecewa beliau dengan kesengsaraan umat Islam, Perdana Menteri mengajak para perwakilan persidangan mengimbas kembali kegemilangan empayar Islam yang berpusat di Granada yang menjangkau lebih 13 abad tetapi akhirnya jatuh ke tangan Sepanyol pada 1492.

"Kebanyakan umat Islam menerima kejatuhan empayar Islam itu sebagai 'takdir', sebagai kehendak Allah. Umat Islam tidak pernah benar-benar mengkaji akan peranan yang telah dimainkan oleh mereka sehingga membawa kepada kejatuhan mereka. Mereka tidak pernah menyalahkan diri sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata umat Islam tidak berusaha untuk menyelamatkan empayar dan tamadun mahupun menyelamatkan diri mereka sendiri daripada ditindas dan agama mereka dihina.

Beliau seterusnya menarik perhatian para peserta persidangan itu bahawa kemunduran ekonomi ummah telah menyebabkan mereka tidak berupaya untuk menolong saudara sesama Islam yang memerlukan bantuan.

Terdapat salah tanggapan bahawa menjadi menjadi kaya adalah berdosa sedangkan hakikatnya menurut ajaran Islam menjadi miskin akan membawa seseorang itu hampir kepada "kufur", kata beliau.

Dr Mahathir berkata jika umat Islam secara keseluruhannya miskin, dengan itu sumbangan tidak dapat dihulurkan dan mereka yang miskin tidak mendapat manfaat daripada sifat murah hati yang digalakkan oleh Islam.

Oleh itu, katanya adalah penting bagi umat Islam untuk bekerja keras dan menambah kekayaan bagi membolehkan mereka membayar zakat, bersedekah dan membina infrastruktur untuk manfaat umat Islam yang lain.

Dr Mahathir berkata negara-negara Islam mempunyai pelbagai sumber dan adalah berdosa bagi umat Islam untuk tidak berusaha membangunkan diri mereka.

Perdana Menteri berkata adalah jelas ajaran Islam, jika dipatuhi oleh ummah, akan membawa kepada masyarakat yang sama rata dan adil serta kaya dan berkuasa.

"Melengkapkan diri kita dengan pengetahuan dan kemahiran serta menggunakannya untuk memperkayakan diri kita dan negara kita adalah suatu kemestian dalam memenuhi suruhan Islam supaya bersedekah dan menggunakan kekayaan kita untuk meningkatkan dan menyebarkan syiar Islam.

"Lagi kaya kita, lagi banyak kita boleh bersedekah dan ummah kita akan menjadi lebih kuat," katanya.

Dr Mahathir turut kesal kerana ramai yang mempersendakan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) kerana ketidakberkesanan pertubuhan itu.

"Saya berasa malu bahawa banyak di kalangan umat Islam dan bukan Islam telah mempersendakan OIC dengan menyatakan ia bermakna "Oh! I see". Implikasinya ialah kita hanya tengok dan tidak buat apa-apa," katanya.

Beliau berkata OIC tidak menyerlah sejak penubuhannya kerana anggota-anggota jarang bersetuju mengenai isu-isu dan agensi-agensinya gagal melaksanakan tugas masing-masing.

-- BERNAMA

MFJ MAM RHM